



Yayasan Waqaf Malaysia

SIARAN MEDIA

YAYASAN WAQAF MALAYSIA (YWM)

YAYASAN WAQAF MALAYSIA AGIH RM26,500 KEPADA PEMANDU TEKSI, KERETA SEWA DAN BAS SEKITAR KUALA TERENGGANU

Kuala Terengganu, 17 Mac 2025 - Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) menerusi Program Santuni Komuniti Madani bersama YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im Bin Hj Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YWM pada hari ini telah turun padang menyantuni golongan pemandu teksi, kereta sewa, bas dan penjaga kaunter di sekitar Kuala Terengganu.

Penganjuran program Santuni Komuniti Madani ini adalah bertepatan dengan salah satu daripada 6 nilai teras Malaysia Madani iaitu Ihsan. Selaras itu, YWM mengambil inisiatif untuk menyantuni pemandu teksi / kereta sewa / bas di sekitar Kuala Terengganu sebagai tanda keprihatinan dan cakna terhadap masyarakat setempat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im Bin Hj Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah menyampaikan sumbangan kotak barangan makanan kepada seramai 120 orang penerima yang terdiri daripada pemandu teksi, kereta sewa dan bas di sekitar Kuala Terengganu.

Sejumlah RM26,500.00 telah diperuntukkan oleh YWM bagi tujuan sumbangan ini. YB Senator Dato' turut berkesempatan menyantuni dan beramah mesra dengan para pengunjung Hentian Bas Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan mengedarkan juadah bubur lambuk.

Terlebih dahulu, YB Senator Dato' Setia bersama YWM turut menyerahkan sumbangan sebanyak RM10,000.00 kepada Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Darul Akhyar sebuah institusi kebajikan di bawah pengurusan pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan turut menyantuni seramai 52 orang anak-anak yatim dan miskin ini dalam Majlis Berbuka Puasa dan Majlis Penjenamaan Semula Hotel Wakaf : The Grand Puteri Hotel, Terengganu pada 16 Mac 2025 di The Grand Puteri Hotel, Terengganu.

Selaras dengan Ramadan sebagai Bulan Wakaf Kebangsaan yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Februari 2025 lepas, YWM terus proaktif dan giat menjalankan program sumbangan dan turun padang agar semua lapisan masyarakat dapat disantuni dan dibantu tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

Yayasan Waqaf Malaysia
17 Mac 2025

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Encik Aflah bin Aminudin
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-2271453 | aflah@ywm.gov.my